

30 AUG 1998

Merdeka

PULAU PINANG SUMBANG RM1.3 JUTA KEPADA DANA KHAS NEGARA

PULAU PINANG, 30 Ogos (Bernama) -- Pulau Pinang menyumbang sebanyak RM1.313 juta kepada Dana Khas Negara untuk membantu Malaysia mengatasi kegawatan ekonomi.

Jumlah itu merupakan kutipan daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri dan kakitangannya, parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), sektor swasta dan orang awam.

Daripada jumlah itu, Kerajaan Negeri dan agensinya menyumbang sebanyak RM363,609, komponen BN Pulau Pinang sebanyak RM180,000 dan sektor swasta, orang perseorangan dan orang awam ialah RM769,786.

Sumbangan itu disampaikan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan wakil masing-masing kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-41, di Padang Kota Lama, di sini.

Dr Mahathir turut menyampaikan replika kunci kereta Proton Wira 1.3 kepada Puan Nor Hashimah Talib, 32, dari Tasek Gelugor yang memenangi peraduan kempen mengibarkan bendera "Jalur Gemilang" peringkat negeri sempena sambutan ulangtahun kemerdekaan itu.

Sebelum itu, Perdana Menteri bersama-sama orang ramai melaungkan "Merdeka dan Malaysia Boleh" selepas nyanyian lagu kebangsaan "Negaraku" yang serentak dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang tepat pukul 12 tengah malam.

Bendera itu diserahkan beberapa kanak-kanak kepada Ketua Menteri yang kemudiannya menyerahkan bendera itu kepada Dr Mahathir.

Jalur Gemilang kemudian diserahkan kepada Kpl Mustafa Harun dan dibantu Kpl Zailani Mat Enda dari Batalion Kedua Rejimen Aslar Melayu Diraja dari Kem Sungai Ara untuk upacara menaikkan bendera.

Turut berada di atas pentas utama bersama-sama Perdana Menteri dan Ketua Menteri untuk upacara itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Mohd Shariff Omar, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri dan bekas Ketua Menteri Tun Dr Lim Chong Eu.

Perdana Menteri tiba di kawasan Padang Kota Lama dengan menaiki kereta Proton Wira Limosin pada pukul 11.45 malam dan meninggalkan majlis pada pukul 12.20 malam.

Sebelum itu, orang ramai yang dianggarkan hampir 50,000 orang, dihiburkan dengan persembahan lawak jenaka, nyanyian dan pentomin bertajuk "Istana Merdeka" sementara menantikan ketibaan detik 12 tengah malam.

Turut hadir pada upacara itu ialah beberapa menteri kabinet dan pemimpin-pemimpin negeri.

-- BERNAMA

ZU NAK